

BAB KEEMPAT

HUBUNGAN TARGHIB DAN TARHIB DENGAN AQIDAH DAN IBADAH

4.1: Definisi Aqidah dan Ibadah

Sebelum penulis menjelaskan hubungan di antara targhib dan tarhib dengan aqidah dan ibadah penulis terlebih dahulu akan memaparkan definisi, mafhum dan tasawwur (gambaran) umum aqidah dan ibadah.

4.1.1: *Definisi Dan Tasawwur Aqidah*

Perkataan aqidah berasal daripada bahasa Arab [عقيدة] iaitu pecahan daripada perkataan "aqādah" [اقدح] yang umumnya bererti ikatan atau simpulan.¹ Biasanya ikatan atau simpulan ini berlaku pada benda yang dirasa seperti tali dan sebagainya. Tetapi perkataan ini juga digunakan pada sesuatu yang ma'navi.

Dari ikatan atau simpulan maknawi ini lahirlah perkataan aqidah iaitu simpulan ma'navi yang terkhusus dalam kepercayaan.²

¹ Al-Razi, Mukhtar Al Shahab, Kaherah, 1987, m.s. 444

² Abu Urwah, Risalah Usrah, jil 1, bah. 1, Pustaka Salam Kuala Lumpur, 1988, m.s. 9.

Berpandukan kepada asal perkataan tadi maka perkataan aqidah boleh difahamkan sebagai kepercayaan yang terikat erat dan tersimpul kuat dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan bercerai.³

Konsep aqidah yang seperti inilah yang diistilahkan oleh Islam sebagai Iman.⁴ Jadi iman adalah merupakan aqidah atau pokok dan di atasnyaalah terdirinya syariat Islam yang merangkumi cara beribadah, bermasyarakat, hukum-hukum jenayah dan sempadan atau batas halal dan haram.⁵

Daripada pokok inilah keluarnya semua cabang-cabang yang mencakupi kehidupan umat manusia seperti negara, watan, akhlak dan sebagainya.⁶

³ M.Sulaiman Yassin, Dr. Pengantar Aqidah, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, m.s. 207.

⁴ Ibid, m.s. 255.

⁵ Al-Maududi, Asas-asas Islam, terj. H.O.K. Rahmat, Dewan Pustaka Fajar, Selangor, 1985, m.s. 147.

⁶ Hasan Al-Banna, Usul Dua Puluh, terj. Alias Othman, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, m.s. 17.

Allah berfirman:⁷

اللَّهُ أَنْتَ كَيْفَ هُنْ أَنْتَ اللَّهُ مِثْلًا كَذَا طَبِيعَةٌ كَشَجَرَةٍ
طَبِيعَةٌ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَخَرَعَهَا فِي السَّمَاءِ تَوْقِيْفٌ كَلِّ هَنْدِينَ
بَادِرَتْ رِيحَهَا وَبِخَرَبَ اللَّهُ الْأَمْثَالُ لِلنَّاسِ لِعَلَمَهُ
بِتَذْكُرِهِنَّ .

Ertinya:

"Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat baik seperti pohon yang baik, akarnya kuat dan cabangnya menjulang langit, pohon itu memberi buahnya pada setiap musim dengan izin tuhananya sahaja. Allah membuat perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat."

Iman dan amal atau dengan kata lain aqidah dan syariah tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Keduanya umpama buah dengan pohon atau natijah dengan muqaddimahnya.⁸

Kesimpulannya, aqidah tauhid adalah aqidah yang sahih. Ini adalah kerana Allah s.w.t sendiri telah menjadi

⁷ Surah Ibrahim, ayat 24 - 25.

⁸ Sayid Sabiq, al-Aqaid Al-Islamiah, Darul Fikri, Beirut, m.s.7.

saksi kesahihan ini sebagaimana firmanNya:⁹

شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ
فَإِنَّمَا بِالْفَسْطِطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.

Ertinya:

"Allah telah berseksi bahwasanya tiada tuhan melainkan Dia, yang menegakkan keadilan, para malaikat dan orang-orang yang berilmu (juga memberikan kesaksian). Tiada tuhan melainkan Dia, Yang Maha Perkasa Jagi Maha Bijaksana."

Sesiapa yang berpegang kepada aqidah ini dan membentuk kehidupan menurut tuntutan-tuntutannya, hidupnya akan selamat di dunia maupun di akhirat.

4.1.2: Definisi Dan Tasawwur Ibadah.

Dari segi bahasa ibadah bererti merendah diri, tunduk, patuh dan taat.¹⁰ Dari segi syara' pula ibadah ertinya adalah taat, tunduk, patuh merendah diri kepada Allah. Jelasnya ibadah ialah pengabdian diri sepenuh kepada Allah.

⁹ Surah Al-Imran, ayat 18.

¹⁰ Al-Razi, op.cit. m.s. 408.

Ibadah juga adalah kemuncak segala jenis ketundukan(kepatuhan)samada tunduk yang berupa taat atau tidak berupa taat, tetapi taat kepada Allah secara tunduk dan menghina diri adalah ibadah dan ibadah yang sebenarnya ialah semata-mata tunduk yang tiada layak menerimanya melainkan Allah yang mengurniakan seperti nikmat hidup, pendengaran,penglihatan dan lain-lain.¹¹

Dalam aspek ini Al- Quran menjelaskan ibadah sebagai ubudiah dan ketaatan. Allah berfirman;¹²

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّ مَنْ طَبَابٌ مَا رَزَقْنَاكُمْ
وَإِنْ شَرَحْنَا لِلَّهِ إِنَّ كُلَّنَا إِنَّمَا تَعْبُدُونَ

Ertinya:

"Wahai orang-orang yang beriman! makanlah rezeki yang baik yang kami berikan kepadamu.Dan bersyukurlah kepada Allah jika kepadanya kamu beribadah."

¹¹ Yusuf Al-Qardhawi, Ibadah Dalam Islam, terj. Hassan Idris, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur 1988, m.s.25.

¹² Surah Al-Baqarah, ayat 172.

FirmanNya lagi:¹³

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ
وَاجْتَنِبُوا الظَّالِمَاتِ .

Ertinya:

"Kepada tiap-tiap umat kami utuskan seorang Rasul dengan perintah beribadah kepada Allah dan meninggalkan tsaghut.

Ibn Taimiyyah di dalam buku Al-Ubudiah menjelaskan¹⁴ bahawa asal makna ibadah ialah kehinaan tetapi ibadat yang disyariatkan oleh Allah ke atas manusia merangkumi makna kehinaan dan kecintaan bersama-sama, iaitu kemuncak kehinaan diri seseorang bila berhadapan dengan Allah, di samping kemuncak kecintaan terhadapnya.

¹³Surah Al-Nahl, ayat 36.

¹⁴M. Yusuf Al-Qardhawi, op.cit, m.s. 19.

Terdapat juga ahli tafsir seperti Al-Tabari yang menjelaskan maksud ibadah sebagai khusyuk kepada Allah, rendah diri dan tetap hati kepadanya.¹⁵

Asas ibadah di dalam Islam ialah suatu hakikat bahawa manusia adalah makhluk dan hamba kepada penciptanya dan kepadaNya ia akan kembali.

Penyembahan dan penyerahan diri kepada Allah, perhubungan yang suci dan perkhidmatan yang penuh khusyuk dan rendah hati yang dilakukan oleh manusia kepada Allah merupakan beberapa ciri-ciri penting dalam amalan mengabdikan diri kepada Allah.

4.1.3: Ruang lingkup Ibadah dan Syarat-syaratnya

Ruang lingkup ibadah di dalam Islam amat luas sekali. Ianya merangkumi setiap kegiatan kehidupan manusia. Setiap apa yang dilakukan baik yang bersangkutan

¹⁵ Abu Urwah, op.cit.m.s. 45.

dengan individu maupun dengan masyarakat adalah ibadah menurut Islam selagi mana ia memenuhi syarat-syarat tertentu.

Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Amalan yang dikerjakan itu hendaklah diakui Islam, bersesuaian dengan hukum syarak dan tidak bercanggah dengan hukum-hukum tersebut. Adapun amalan-amalan yang diingkari oleh Islam dan ada hubungan dengan yang haram dan maksiat, maka tidaklah sekali-kali ia dijadikan amalan ibadah.
- 2) Amalan tersebut dilakukan dengan niat yang baik bagi tujuan untuk memelihara kehormatan diri, menyenangkan keluarganya, memberi manfaat kepada umat seluruhnya dan bagi memakmurkan bumi sebagai mana yang dianjurkan oleh Allah.
- 3) Amalan tersebut mestilah dengan seelok-eloknya bagi menepati apa yang ditetapkan oleh Islam.
- 4) Ketika membuat amalan tersebut hendaklah sentiasa menurut hukum-hukum syarak dan ketentuan batasnya, tidak menzalimi orang lain, tidak khianat, tidak menipu dan tidak menindas orang atau merampas hak orang.

- 5) Tidak mencuaikan ibadat khusus seperti solat,zakat dan sebagainya dalam melaksanakan ibadah umum.

Firman Allah:¹⁶

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَنْهَكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَلْوَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعُلْ ذَلِكَ فَإِنَّمَا هُمُ الظَّاغِنُونَ

Ertinya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah harta-harta dan anak-anak kamu melalaikan kamu dari mengingati Allah, barangsiapa yang berbuat demikian maka mereka sebenarnya orang-orang yang rugi”

Jadi,bila sahaja seseorang mukmin dapat menyempurnakan kelima-lima syarat di atas dalam mengendalikan segala pekerjaan dan urusan hidupnya setiap hari,maka ia akan dikira sentiasa beribadah kepada Allah, meskipun dia tidak duduk di dalam masjid ketika membuat kerja-kerja tersebut.

4.2: Hubungan Targhib Dan Tarhib Dengan Aqidah Islamiah

Sebagaimana yang telah dipaparkan oleh penulis dalam bab yang kedua dahulu bahawa targhib dan tarhib banyak disebut di dalam al-Quran dan hadis-hadis Nabi.Jadi dalam

¹⁶ Surah Al-Munafiqun,ayat 9.

bab ini penulis ingin memperjelaskan hubungan antara kedua-dua konsep tersebut dengan aqidah Islamiah.

Ini adalah kerana keimanan yang padu dan tanpa berbelah bagi bukan sahaja akan meyakini segala konsep dan tuntutan targhib dan tarhib tetapi juga mampu untuk menterjemah dan merealisasikan keyakinan tersebut dalam bentuk tindakan dan amalan.

Tambahan pula iman itu ialah:¹⁷

تصدیق بالقلب و تغیر بالان و کل بالارکان .

Ertinya:

'Iman' ialah membenarkan dengan hati, mengakui dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota.

Dengan keimanan inilah lahirnya kebenaran dan hidayah. Sebaliknya tanpa keimanan timbulah dalam diri seseorang itu perkara-perkara negatif seperti kufur, jahil, zalim, syirik, munafik dan fasiq.¹⁸

¹⁷ Ashaari Muhammad. Iman Dan Persoalannya. Penerbitan Al-Arqam, Petaling Jaya, 1986, m.s.7.

¹⁸ Abul A'la Al-Maududi. The Meaning Of Quran, Volume 2. Islamic Publication, Lahore, 1977, m.s.127.

Kesimpulannya iman adalah satu hakikat yang tidak terpisah daripada realiti kehidupan manusia. Ia bukan semata-mata perasaan atau hanya tersembunyi dalam jiwa sahaja. tetapi iman adalah hakikat yang tidak terpisah dengan semua kegiatan dan kecergasan hidup.¹⁹

Ianya adalah hakikat yang mesti terjelma, tergambar dan diterjemah dalam semua bidang kehidupan. Iman yang hanya terpendam dalam jiwa adalah lebih merupakan dakwaan yang tidak terbukti. Ini adalah kerana sesuatu hakikat yang telah terukir dalam diri sudah pasti akan mencorakkan geraklaku amali dalam hidup.²⁰

4.2.1: *Aqidah Dan Iman Sebagai Tunjang, Penentu Dan Penilai*

Hubungan aqidah Islamiah dengan targhib dan tarhib semakin jelas bilamana aqidah yang mantap dianggap sebagai tunjang dan asas kepada mempercayai targhib dan tarhib.²¹ Tegasnya tanpa aqidah dan iman kepada Allah akan

¹⁹ Abu Urwah, op.cit., m.s. 62.

²⁰ Sayid Qutb, Manhaj Hidup Muslim, Dewan Pustaka Fajar, Selangor, 1985, m.s. 5.

²¹ M. Sulaiman Yassin, op.cit., m.s. 259.

menyebabkan seorang manusia bukan sahaja tidak mahu beramal dan melaksanakan tuntutan targhib dan tarhib, bahkan mereka akan mengingkari perkara-perkara ini.²²

Begitu juga aqidah dianggap sebagai penentu kepada kepercayaan dan keimanan seseorang insan. Oleh yang demikian seseorang yang meyakini persoalan targhib dan tarhib akan sentiasa membuktikan dan bermotivasi untuk melaksanakan yang makruf dan meninggalkan yang mungkar dalam hidupnya.

Aqidah dan keimanan juga boleh dijadikan sebagai penilai dan ukuran kepada sejauhmana prestasi keimanan muslim terhadap targhib dan tarhib.

Dari sini kita dapat menegaskan bahawa seseorang yang sentiasa bergelumang dengan kejahatan adalah mempunyai prestasi keimanan yang rendah. Manakala seseorang yang sentiasa mentaati perintah tuhannya adalah insan yang mempunyai keimanan yang kuat dan tinggi mutunya.

²² Hussein Muhammad Al-Jahs, op.cit.m.s.6.

Memandangkan aspek keimanan adalah amat penting,maka di sini penulis akan memaparkan beberapa perkara yang boleh meningkatkan keimanan seseorang muslim.

4.2.2:Perkara-perkara Yang Bolah Meningkatkan Keimanan Seseorang Muslim.

Tajuk ini dikemukakan oleh penulis memandangkan aqidah yang unggul amat penting untuk melaksanakan tuntutan targhib dan tarhib.Sebenarnya terdapat banyak faktor yang boleh membantu meningkatkan keimanan khususnya dalam mengimani targhib dan tarhib.Antaranya:

4.2.2.1:Menuntut Ilmu

Terdapat banyak ayat Al-Quran dan hadis yang membicarakan perkara ini.Menuntut ilmu adalah kewajipan seseorang muslim di sepanjang hidupnya.

Orang yang mencari ilmu untuk dijadikan bekalan di dalam perjalanan hidup untuk hari kemudian dan berniat untuk mencari keredhaan Allah semata-mata,maka ia termasuk

di dalam golongan orang-orang yang bakal memperolehi keselamatan dan kejayaan.

Imam Ghazali menyatakan:

"yang paling utama sekali ialah waktu untuk kamu menambah ilmu yang berguna dan bermanfaat terhadap Dini, iaitu ilmu yang dapat menghantar kamu menuju ketaqwaan kepada Allah, membuka kesedaran kamu untuk menyaksikan segala keburukan yang terdapat dalam dirimu, mengurangkan hasrat kamu yang berlebihan terhadap dunia dan menambahkan penglibatamu terhadap kehidupan di Hari Akhirat kelak....."²³

4.2.2.2: Sentiasa Mintaati Perintah Allah

Definisi taat ialah menurut atau patuh kepada peraturan dan ketetapan yang ditentukan oleh Allah. Perintah-perintah Allah itu terdiri daripada amalan-amalan yang wajib dan sunat.

²³ Abu Urwah. op.cit. m.s.85.

Amal-amal yang wajib adalah merupakan amal pokok yang paling penting bagi menggerakkan setiap urusan serta membawa manusia ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat.

Di samping melakukan perkara fardhu, seorang mukmin itu hendaklah meningkatkan dirinya bagi melaksanakan amalan sunat. Amalan-amalan sunat ini begitu luas ruang lingkupnya.

4.2.2.3: Menjauhi Maksiat

Seorang muslim juga mestilah menjauhi dirinya daripada maksiat, memandang berat terhadap dosa-dosa besar, berwaspada terhadap dosa-dosa kecil dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjauhinya.

Imam Ghazali memberi peringatan:

"Di dalam tuntutan Dini tersapet dua perkara yang penting untuk diperhatikan. Pertama : meninggalkan dan menjauhi segala perkara yang dilarang dan ditiarakan. Kedua : berbuat taat dan menunaikan segala perintah beribadah (dan berbakti kepada Allah)"

"Di antara keduanya itu, menjauhi sepele yang dilarang dan diharamkan itu adalah sesuatu hal yang berat, kerana istataan melaksanakan perintah Allah memang mampu dilaksanakan tetapi meninggalkan apa yang dilarang dan diharamkan itu tiada yang mampu kecuali orang-orang yang benar...."²⁴

Untuk menjadikan iman jauh dari pengaruh maksiat, hendaklah seseorang muslim itu menjaga adab-adab yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.

4.2.2.4: Muraqabah Dengan Allah

Muraqabah (kawalan) Allah boleh memelihara seseorang muslim daripada tergelincir, malah daripada fitnah dan dipandu oleh hawa nafsu. Ini adalah kerana mereka sentiasa meyakini dan merasakan bahawa Allah senantiasa mengintip dan mengawasi setiap geraklaku yang dilakukannya.²⁵

²⁴ Abu Urwah, op.cit. m.s.86.

²⁵ Fathi Yakan, Al-Syabab Wa Al-Taghyir, terj. M. Kamil B. Abd. Majid, Generasi Muda Dan Pembaharuan, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 1983, m.s.50.

4.2.2.5: Bergantung Kepada Kitab Allah

Hubungan seorang muslim dengan kitab Allah adalah dengan cara pergantungan dan pembacaan mereka terhadap kitab Allah serta mengkaji ayat-ayat serta maknanya. Kesemua ini adalah jalan yang paling dekat dan dorongan yang paling baik untuk membentuk hubungan dengan Allah.²⁶

4.2.3: Iman Dan Aqidah Sebagai Rangsangan Dalaman

Sebenarnya iman yang mantap dan aqidah yang mendalam terhadap rububiah dan uluhiah Allah merupakan rangsangan yang paling hebat dalam diri seseorang muslim.²⁷ Ini adalah kerana:

a. Seseorang yang percaya dan yakin bahawa dirinya dicipta, dimiliki dan dijaga maslahatnya, akan terdorong untuk melakukan semua perintah. Allah sama ada yang

²⁶ op.cit., m.s. 51.

²⁷ Alias Othman, Islam dan Motivasi Kerja, Seminar Pengurusan, UTM, 1988, m.s. 6.

wajib mahupun yang sunat.Ia juga akan terdorong untuk meninggalkan semua larangan Allah sama ada yang haram atau yang makruh.

b.Rasa ubudiah yang larut dalam diri seseorang muslim hasil dari keyakinan terhadap uluhiah Allah akan meletakkan dirinya supaya sentiasa berawas dan berwaspada serta berada dalam posisi yang tepat dan benar sejajar dengan keyakinannya.

Semua ini akan menjadi pendorong kepadanya untuk terus mengendalikan seluruh tindakannya supaya dapat dan boleh diterima sebagai pengabdian yang mutlak kepada Allah s.w.t. Firman Allah :²⁸

وَمَا خلقتُ الْجِنَّةَ وَالْإِنْسَانَ لَا لِيَعْبُدُونَ

Ertinya:

"Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia
kecuali untuk mengabdiakan diri kepada
Ku"

²⁸Surah Al-Zariyat.ayat 51.

Kedua-dua keadaan atau faktor ini akan sentiasa menghambat seseorang muslim untuk melakukan apa yang dituntut oleh Allah dan sekaligus meninggalkan laranganNya. Ini adalah satu perbendaharaan rangsangan dalaman yang paling mahal dalam diri kita seorang muslim.

4.2.4: Targhib Dalaman Yang Lain

Selain daripada iman dan aqidah yang mendalam, terdapat juga rangsangan-rangsangan dalaman yang lain yang boleh menjadi daya tolak kepada seseorang muslim untuk menerima dan beramal dengan konsepsi targhib dan tarhib. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

4.2.4.1: Kesedaran Terhadap Tugas Dan Tanggungjawab²⁹

Seseorang yang memiliki aqidah dan iman yang mendalam kepada Allah sudah semestinya akan sentiasa menghampirkan dirinya kepada Allah dengan membaca Al-Quran.

²⁹ Alias Othman, op.cit. m.s. 7.

Fembacaannya terhadap Al-Quran akan menemukannya dengan ayat-ayat yang akan menghidupkan hati nuraninya dan membangkitkan rasa tanggungjawab terhadap Allah dan agamanya.

Kepakaannya terhadap kewajipan dan tanggungjawab ini akan senantiasa menghidupkan hambatan-hambatan dalam dirinya untuk terus melaksanakan tugasnya sebaik, secepat dan sesempurna yang mungkin.

Keadaan ini bertambah kuat apabila ia menemui ayat-ayat perangsang di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Nabi.

Dengan ini rasa berdosa, bersalah dan rasa cuai akan sentiasa membenteng dirinya dari bersifat malas dan suka beristirehat. Bahkan ia akan terus aktif di mana sahaja ia berada..

4.2.4.2: Keinginan Untuk Mendapatkan Pahala

Seandainya kita meneliti Al-Quran dan hadis-hadis Nabi, kita akan menemui janji-janji Allah dan ganjaran pahala yang besar bagi mereka yang melakukan amal soleh.

Contohnya nikmat syurga yang menggambarkan kenikmatan, serba indah, dipenuhi dengan bidadari, santapan yang mengikut keinginan dan selera, pakaian yang bergemerlapan dan pelbagai nikmat lagi.³⁰

Keinginan yang melonjak-lonjak ini akan menjadi perangsang kepada muslim untuk terus bertindak aktif untuk melakukan amalan soleh.

4.2.4.3: Kegeruanan Terhadap Siksaan Allah

Allah s.w.t. telah menyatakan bahawa balasan bagi orang-orang yang cuai dalam melakukan kewajipan dan tanggungjawab yang telah ditentukan ialah neraka.

Sebenarnya pelbagai cara Allah menggambarkan azab siksa penghuni neraka. Mulai dari kebengisan malaikat penjaganya, api yang marak membakar rentung, pakaian dari belenggu besi yang amat panas, minuman yang tersedia dari danur dan nanah dan bahan bakarannya yang terdiri dari batubatan dan manusia.³¹

³⁰ Abdul Aziz, Kehidupan Manusia Di Alam Akhirat, Pustaka Al-Mizan, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 91.

³¹ Ibnu Idris, Kehidupan Manusia Di Alam Akhirat, Pustaka Al-Mizan, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 23.

Kesemua ini menggambarkan kengerian dan ketakutan yang sering menghambat perasaan seseorang muslim, merasa kecut dan gugup.

Dengan ini tidak hairanlah seandainya Saidina Abu Bakar akan teresak-esak menangis bila membaca ayat-ayat mengenai neraka dan azabnya.

Kegerunan terhadap azab ini akan juga sentiasa merangsang seseorang muslim untuk menunaikan tanggungjawab dan kewajipannya dan sekaligus meninggalkan larangan dan tegahannya.

4.3: Hubungan Targhib Dan Tarhib dengan Ibadah

Sebenarnya targhib dan tarhib mempunyai hubungan yang erat dengan ibadah. Ini adalah kerana ia bukan sahaja merupakan rangsangan dalaman bagi seseorang muslim untuk melaksanakan tuntutan ibadah, tetapi ia juga adalah sebagai "pengawal" semasa ibadah itu dilaksanakan.

Oleh itu sepanjang perlaksanaan ibadah seseorang muslim yang yakin dengan persoalan targhib dan tarhib akan

melaksanakan keseluruhan ibadah tersebut dengan sempurna yang mungkin, sehingga sampai ke peringkat ihsan sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:³²

لَمْ تَرَهُ فَإِنَّمَا تَعْبُدُ اللَّهَ إِنَّمَا تَرَهُ فَإِنْ شَاءَ بِرَبِّهِ

Ertinya:

"(ihsan) itu ialah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya dan jika kamu tidak melihatnya (yakinlah) Allah sentiasa melihat kamu"

Dengan ini seseorang muslim itu akan melaksanakan ibadahnya semata-mata kerana Allah s.w.t.³³ Serentak dengan itu ia amat memahami bahawa Islam amat menegah setiap perbuatan dan tindakan yang boleh mendatangkan maksud penyembahan sesama manusia ataupun membuka jalan untuk mengelirukan pengertian ibadah yang semestinya dikhususkan kepada Allah.³⁴

³² Al-Nawawi, Matnu Al-Arbain, Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 55.

³³ Abu Urwah, op.cit. m.s. 50.

³⁴ Fathi Yakan, Qawarubu Al-Najat Fi Hayati Al-Du'ah, terj. A.Ghani Shamsuddin, Bahera Penvelamat Dalam Kehidupan Pendakwah, Pustaka Fajar, Selangor, 1987, m.s. 152.

Firman Allah: 35

مَنْ كَانَ يَرْجُو لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَلَىٰ حَسَابِهِ
وَلَا يَشْرِكْ بِعِبَادَةَ رَبِّهِ أَحَدًا .

Ertinya:

"Barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan tuhannya maka hendaklah ia mengerjakan sesuatu yang soleh dan janganlah ia mempersekuatkan tuhannya dalam ibadah."

Ibadah yang dilaksanakan itu akan berlaku secara langsung antara seorang hamba dengan tuhannya. Ini adalah kerana ibadah yang ingin mereka laksanakan tidak berhajat kepada orang tengah sebagaimana yang terdapat pada agama lain.

Perlaksanaan ibadah melambangkan ketundukan yang sepenuhnya kepada Allah dan ketaatan yang mutlak kepadaNya. Oleh itu dalam bidang ibadah khusus seperti puasa, zakat, solat dan lain-lain, ia dilaksanakan menurut jenis yang ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan berhenti

35 Surah Al-Kahfi, ayat 110.

setakat sempadan yang telah ditentukan oleh syarak dan sebagaimana yang dilakukan sendiri oleh Rasulullah. Tidak boleh ditambah dan dikurangkan.

Manakala dalam ibadah-ibadah umum pula ketundukan dan kepatuhan ini dapat dilaksanakan dengan mencontohi Rasulullah dalam semua aspek kehidupan. Allah berfirman: ³⁶

لقد كاتب لك و مرسى الله أسوة حسنة

Ertinya:

"Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh yang baik bagimu".

Ibadah yang dilaksanakan juga tidak terhad kepada tempat-tempat yang tertentu sahaja bahkan seluruh mukabumi ini adalah tempat beribadah.

Walaubagaimanapun menurut para ulamak, ibadah yang dilakukan semata-mata kerana mencari keredhaan Allah adalah lebih tinggi darjahnya daripada ibadah yang

³⁶ Surah Al-Ahzab, ayat 21.

dilakukan kerana takut kepada azab neraka atau mengharapkan syurga semata-mata.

Seandainya Allah membalaas atau memberi ganjaran baik seperti syurga dan sebagainya,maka kesemua itu adalah rahmatNya kepada manusia.Ia bukanlah kerana amalan manusia itu sendiri.Oleh itu seorang muslim harus sentiasa mempunyai perasaan takut dan harap kepada Allah s.w.t.³⁷

4.4: Contoh-contoh Pembuktian Yang dibuat Oleh Rasulullah, Para Sahabat Dan Salafussolleh

Rasulullah s.a.w.,para sahabat dan salfussolleh telah membuktikan keyakinan mereka terhadap targhib dan tarhib enggan melakukan pelbagai amalan dan pengorbanan sepanjang kehidupan mereka.Di sini penulis akan membawakan beberapa contoh pembuktian yang ditunjukkan oleh mereka berdasarkan catatan sejarah yang ditemui.

³⁷ Imam Habib Abdullah Haddad,Al-Nasaih Al-Diniah Wa Al-Wasaya Al-Imaniah, terj. Pustaka Nasional, Singapura, 1982. m.s. 5418.

4.4.1:Rasulullah s.a.w.

Sebagai seorang insan yang menjadi contoh kepada ummah, di setiap zaman dan tempat, Rasulullah s.a.w. telah melakukan pelbagai ibadat dan pengorbanan di sepanjang hayatnya meskipun baginda adalah kekasih Allah yang telah diampun dosanya dan dilantik menjadi Nabi dan Rasul.

4.4.1.1:Menangis Sepanjang Malam

Rasulullah s.a.w. telah mengimani semua targhib dan tarhib Allah di dalam Al-Quran, pernah menangis di sepanjang malam semasa bersembahyang tahajjud khususnya apabila baginda membaca ayat berikut:³⁸

وَإِنَّا نَعْلَمُ أَيْمَانَكُمْ

Ertinya:

"Dan bekapisahlah kamu pada hari ini walaupun orang-orang yang berdosa."

³⁸Surah Yaasin, ayat 58.

4.4.1.2: Bersembahyang Di Sepanjang Nelman

Seorang lelaki telah bertanya kepada Aisyah:

"Terangkan kepada saya sesuatu yang luarbiasa mengenai solat Rasulullah." Aisyah menjawab: "Tidak ada suatu pun yang biasa pada diri Rasulullah, bahkan pada tiap-tiap sesuatu yang dilakukannya adalah luarbiasa. Pada satu malam baginda berbaring bersama-sama ku, beberapa ketika kemudian dia berkata: 'sekarang bilaalah deku' menyembah Allah Pemberi rezekiku'.

Sambil berkata demikian baginda pun bangun mendirikan sembahyang dengan penuh perasaan ikhlas dan tawadhu'. Semasa bersembahyang baginda menangis, begitu juga semasa ruku' dan sujud. Setelah bangun dari sujud keadaan baginda masih tidak berubah.

Kedua-dua ini berterusan hingga Bilal meluungkan suaranya menandakan waktu fajar telah mendekati tiba. Saya telah mengatakan kepadanya: 'Ya Rasulullah, tuan tidak berdosa kerana Allah telah mengampuni setiap dosa tuan sama ada yang telah lalu atau yang akan datang, tetapi tuan masih memandang rendah terhadap diri tuan'."

Baginda menjawab: "Aku sudah sepatutnya berterimakasih kepada Allah".

Terdapat juga riwayat yang menceritakan bahawa kaki Rasulullah s.a.w. bengkak kerana baginda memanjangkan rakaat dalam sembahyangnya. Para sahabat telah bertanya kepada baginda:

"Ya Rasulullah, tuan tidak berdosa, tapi mengapakah pulak tuan bersembahyang secara permati-matian?"

Baginda menjawab: "Apakah tidak patut aku berterima kasih kepada tuhaniku?",³⁹

4.4.1.3:Nabi Tidak Dapat Tidur

Pada suatu malam Nabi tidak dapat melelapkan matanya. Baginda berguling ke sana ke mari. namun baginda tidak dapat tidur. Isterinya bertanya:

"Mengapa tidak boleh tidur ya Rasulullah?". Baginda menjawab: "Ada sebiji tamar terletak di suatu tempat tadi. Kerana takut ianya terbuang begitu sahaja, aku telah memakannya dan sekarang aku menyesal kerana bush itu mungkin dihantar ke mari untuk disedekahkan kepada orang-orang miskin."

Buah yang Nabi makan mungkin kepunyaan baginda sendiri. tetapi oleh kerana para dermawan biasanya menghantarkan sedekah mereka ke rumah baginda untuk dibahagi-bahagikan. maka perbuatan memakan buah tamar itu talah menimbulkan keraguan di dalam hati baginda.⁴⁰

³⁹ Mohd Zakariyya,Kesah-Kesah Para Sahabat, Ganesh Printing, Penang, 1978, m.s. 43.

⁴⁰ Mohd Zakariyya, op.cit. m.s. 60.

Demikianlah keimanan dan ketelitian Nabi mengenai sesuatu yang dilakukannya. Jelas di sini bahawa baginda amat yakin dengan pesanan dan perintah Allah di dalam Al-Quran. Contohnya firman Allah:⁴¹

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلُّ مِنْ الظَّبَابِ وَاعْمَلْ صَالِحًا
إِنَّ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلَيْهِ

Ertinya:

"Wahai Rasul-rasul, makanlah daripada benda-benda yang baik dan buatlah kebaikan. Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu lakukan."

4.4.2: Para Sahabat

Para sahabat Rasulullah s.a.w. telah membuktikan keyakinan mereka terhadap persoalan targhib dan tarhib dengan pelbagai cara dan pengorbanan.

Di sini penulis akan menggunakan method sampling dengan hanya mengemukakan beberapa contoh keimanan para sahabat terhadap targhib dan tarhib.

⁴¹ Surah Al-Mukminun, ayat 51.

4.4.2.1: Saidina Abu Bakar As-Siddiq

Saidina Abu Bakar adalah merupakan sahabat Rasulullah yang terkenal dan lelaki pertama memeluk Islam.⁴²

Rabiah Aslami r.a. telah bercerita tentang Saidina Abu Bakar:

"Pada suatu hari saya telah bertengkar dengan Abu Bakar. Semasa pertengkaran itu, dia telah mengeluarkan sepatuh perkataan kesat terhadap saya. Dengan serta merta beliau menyadari kesalahannya lalu berkata: 'Wahai saudara gunakanlah perkataan itu terhadap saya sebagai tindakan balas.'

Meskipun Abu Bakar memujuk Rabiah berkali-kali supaya membalas balik ungkapannya terhadap Rabiah, tetapi Rabiah tetap enggan. Lantas Abu Bakar mengadu permasalahannya kepada Rasulullah.

Begitulah ketaqwaan dan keimanan Abu Bakar terhadap Hari Kiamat dan seumpamanya. Kebimbangannya untuk menerima pembalasan di akhirat menyebabkan dia memaksa Rabiah Aslami supaya mengambil tindakan terhadapnya. Ia sangat menyesal akibat kesalahannya sehingga dia sanggup

42 M.Yusuf Al-Kandahlawi, Hayatu Al-Sahabah, Pustaka Nasional, Singapura, 1983, m.s.47.

untuk menceritakan segala-galanya kepada Nabi agar Nabi menolongnya.

Begitu juga peristiwa Abu Bakar dengan seorang hamba yang telah membawa makanan kepadanya. Hamba itu berkata:

"Kebiasaanmu kamu bertanya tentang sumber makanan yang aku bawa tetapi hari ini kamu tidak berbuat demikian." Saidina Abu Bakar menjawab: "Aku sangat lapar sehingga aku lupa untuk bertanya. Terangkanlah kepadaku dari mana kamu dapat makanan ini." Hamba itu menjawab: "Sebelum aku memeluk Islam, aku menjadi tukang tilik. Orang-orang yang aku tilik nasibnya kadang-kadang tidak boleh membayar wang kepadaku. Mereka berjanji akan membayarnya apabila mempunyai wang. Aku telah berjumpa dengan mereka hari ini dan mereka lah yang memberikan aku makanan ini."

Mendengar kata-kata hamba itu, maka Abu Bakar terus berusaha supaya makanan yang dimakannya itu keluar dari perutnya. Orang ramai yang melihat keadaan ini menyatakan, "semoga Allah mencucuri rahmat atasmu. Kamu telah bersusah payah kerana makanan yang sedikit". Lantas Abu Bakar menjawab: "Aku akan terus memaksa keluar walaupun ia mengancam jiwaku. Aku pengar Nabi bersabda: "Badan yang tumbuh subur dengan makanan yang haram adi meraka lah yang layak membaharkinya. Gila kerana itulah maka aku memaksa makanan itu keluar kerana takut kalau-kalau ia menyuburkan badanku."⁴³

43 Mohd Zakariyya, op.cit.m.s. 60.

4.4.2.2: Saidina Omar Al-Khattab

Saidina Omar Al-Khattab terkenal sebagai seorang pemerintah yang mengambil berat tentang rakyatnya. Oleh itu beliau sering membuat rondaan dan tinjauan tentang keadaan rakyatnya.

Dalam rondaannya pada suatu malam, beliau telah bertemu dengan seorang ibu dan anak yang sedang tidur. Setelah disoalsiasat ternyata bahawa si ibu tersebut amat memerlukan bantuan. Justeru Omar balik ke kota dan terus ke Baitul Mal. Omar mengisikan sebuah karung dengan tepung, buah tamar, minyak, pakaian dan wang. Apabila karung tersebut penuh, dia berkata kepada pembantunya Aslam:

"Letakkan karung ini ke atas belakangku". Lalu, Aslam berkata: "Tidak, tidak ya Amirul Mukminin! Biar saya yang menikulnya." Omar menjawab: "Apakah engkau yang akan menikuli dia pada Hari Kiamat? Kekalkanku dia yang menikulnya kerana akulah yang perlu merasakan hantui mengenai perbuatanmu." Setibanya

Setelah tiba di rumah perempuan itu, Omar telah memasakkannya dan kemudian memberikan makanan tersebut

kepada kanak-kanak yang sedang kelaparan itu.⁴⁴

Di ketika yang lain semasa mengerjakan solat subuh, Omar membaca surah *Kahfi* dan surah *Taha*. Waktu inilah beliau kerap menangis sehingga tangisannya jelas kedengaran beberapa saf ke belakang.

Di dalam sembahyang yang lain, beliau menangis teresak-esak sehingga tidak dapat meneruskan bacaannya setelah membaca ayat berikut:⁴⁵

اَنَا اَشْكُ بِيْ حَرْفِ إِلَهِ اللَّهِ

Ertinya:

"Hanya-saunya aku mengadu kesusahan dan
kedukaanku kepada Allah"

Begitu juga dengan sahabat-sahabat Nabi yang lain seperti Saidina Osman Bin Affan, Saidina Ali Bin Abi Talib, Abdullah Bin Abbas, Bilal Bin Rabah dan

⁴⁴ Hadji Sjech Marhaban, Tokoh-Tokoh Islam Di Zaman Nabi, Pustaka Nasional, Singapura, 1967, m.s.11

⁴⁵ Surah Yusuf, ayat 86.

sebagainya. Kesemua sahabat baginda telah menunjukkan dan membuktikan kepekaan mereka terhadap persoalan targhib dan tarhib.

4.4.3: Salafussoleh

Sesungguhnya para salafussoleh juga telah membuktikan keyakinan mereka terhadap targhib dan tarhib dalam setiap amalan dan tindakan mereka.

4.4.3.1: Keadaan Para Salafussoleh Semasa Sembahyang

Para salafussoleh menyatakan bahawa :

"....sesiapa yang dapat mengesan orang yang berada di sebelah kanan dan kirinya ketika dalam solat maka orang itu tetap tidak khusyuk"⁴⁶

Ini adalah kerana mereka sangat khusyuk semasa mengerjakan sembahyang. Adakalanya semasa mereka berdiri atau sujud, burung datang menenggek di atas mereka kerana

⁴⁶ Imam Habib Abdullah Haddad, Nasihat Agama Dan Wasiat Iman, terj. Syed Ahmad Semait, P.Nasional, Singapura, 1982 m.s. 114.

menyangka bahawa ianya adalah pokok atau tembok, lantaran tenang, khusyuk dan terlalu lama dalam berdiri dan sujud.

Suatu ketika tiang masjid Basrah runtuh, menyebabkan orang-orang di sekitar masjid itu riu rendah. Secara kebetulan pula di dalam masjid pada ketika itu terdapat seorang salaf sedang bersembahyang. Oleh kerana terlalu khusyuk semasa bersembahyang maka dia tidak merasakan apa-apa yang berlaku di sekitarnya.

Terdapat juga ahli salaf yang berkata kepada anak dan isterinya:

.....Seandainya aku masuk bersembahyang,
Jalukanlah apa yang kamu suka kerana aku
tidak akan dapat mendengarnya (lantaran
terlalu khusyuk)....."

Lantaran itu Hasan Basri menyatakan:

"Setiap solat yang tidak disertai oleh
hati yang shalih maka ia lebih seperti
mendapati siksaan." ⁴⁷

⁴⁷ Imam Habib Abdullah Haddad, Ibid, m.s.112.

4.4.3.2: Sikap Dan Ketelitian Mujahid Bin Jabr

Mujahid Bin Jabr adalah salah seorang ahli tafsir dari golongan salafussoleh di Mekah. Beliau hanya berani untuk memberikan pandangan beliau terhadap ayat-ayat Al-Quran setelah membentangkan sebanyak 30 kali di hadapan sahabat Nabi s.a.w. iaitu Abdullah Bin Abbas. Pada setiap ayat ia akan bertanya kepada Abdullah tentang maksud ayat, kenapa ia diturunkan dan sebagainya lagi.⁴⁸

Demikianlah ketelitian para salafussoleh dalam setiap tindakan mereka.

⁴⁸ Hasan. Mat Leh. Maktabah Al-Tafsir Wa Al-hadith. Kuala Lumpur, 1988. m.s. 35.